

SULIT

3375/1

Perdagangan

Kertas 1

September

2011

1 $\frac{1}{4}$ Jam

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2011**

**PERDAGANGAN
KERTAS 1**

Masa : Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan Siti Noriza.

Selepas memperolehi keputusan 10A dalam SPM, Siti Noriza mengikuti kursus persediaan perubatan di International College.


Apakah jenis keperluan yang diharapkan oleh Siti Noriza?

- A. Keperluan fisiologi
- B. Keperluan keselamatan
- C. Keperluan kasih sayang
- D. Keperluan sempurna sendiri

2. Mengapakah penduduk pendalaman masih mengekalkan pengeluaran langsung?

- A. Kelemahan sistem barter
- B. Keperluan dan kehendak banyak
- C. Tidak mempunyai kemudahan kredit
- D. Keperluan dan kehendak adalah terhad

3. Rajah berikut berkaitan dengan sejenis pengkhususan.



Apakah kelebihan pengeluaran yang dinikmati oleh Kilang K?

- I. Hasil keluaran standard
 - II. Faedah ekonomi bidangan
 - III. Kecekapan dalam produktiviti
 - IV. Kehilangan daya cipta dan seni pertukangan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

4. Mengapakah perniagaan dianggap sebahagian daripada bidang perdagangan?
- Melicinkan proses pengeluaran
 - Meningkatkan nilai faedah barang
 - Memberi keuntungan kepada peniaga
 - Membantu peniaga mengagihkan barang-barang
5. Antara berikut, yang manakah merupakan aktiviti bantuan perniagaan?
- Warung di tepi jalan
 - Berkhidmat sebagai guru di sekolah kerajaan
 - Menjadi pengeksport perabot di Asia Tenggara
 - Menghantar surat khabar menggunakan motorsikal
6. Restoran Tomyam Maju mendapatkan bekalan masakan daripada pemborong di Rantau Panjang dengan syarat niaga seperti berikut:

Diskaun Niaga	10%	
Diskaun Tunai	10%	3 hari
	5%	10 hari


Berapakah bayaran perlu dibayar oleh kedai tersebut berdasarkan tarikh pembelian berikut?

5 Mei 2011	: Nilai inouis RM 22 000
7 Mei 2011	: Pembayaran dijelaskan

- RM 17 810
- RM17 820
- RM24 200
- RM26 600


7. Apakah kegunaan penyata akaun?
- I. Memberikan peringatan kepada pelanggan untuk menjelaskan bayaran
 - II. Pelanggan dapat menyemak butir-butir dalam buku akaun
 - III. Membetulkan kesilapan dalam invois
 - IV. Sebagai bukti pembayaran hutang
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

8. Gambar berikut menunjukkan dua jenis perkhidmatan dalam pasaran.



Apakah kaedah jualan yang diamalkan oleh peniaga tersebut?

- A. Sewa beli
 - B. Jualan tunai
 - C. Jualan prabayar
 - D. Bayaran tertunda
9. Rajah berikut menunjukkan proses sesuatu urus niaga.



Perniagaan manakah menjalankan operasi di atas?

- A. Pemborong bayar dan bawa
- B. Pemborong khusus
- C. Ejen penjual
- D. Jober para

10. Berikut ialah organisasi perniagaan runcit yang wujud di Malaysia.



Apakah jenis saluran agihan yang sesuai untuk perniagaan di atas?

- A. Pengeluar → Pengguna
- B. Pengeluar → Ejen → Pengguna
- C. Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- D. Pengeluar → Pemborong → Pengguna

11. Berikut adalah petikan sebuah akhbar Utusan Malaysia berkaitan peningkatan jumlah import negara.

Kuala Lumpur – Peningkatan dalam jumlah import negara telah membuka peluang kepada usahawan untuk mempelbagaikan jualan mereka.

Apakah kesannya kepada pengguna?

- A. Meningkatkan jumlah jualan barang
- B. Memberikan pelbagai pilihan kepada pengguna
- C. Meningkatkan taraf hidup penduduk di Malaysia
- D. Memberikan keuntungan berganda atas pembelian barang import

12. Antara yang berikut, yang manakah merupakan import tak nyata?

- A. Membeli jentera dari Jepun
- B. Menjual minyak sawit ke India
- C. Menghantar pakar ICT ke Sudan
- D. Menerima buruh asing dari Vietnam

13. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan antarabangsa.

Akta Kastam 1967

Akta Kawalan Pertukaran
Wang Asing 1953

Apakah masalah yang dihadapi berdasarkan akta tersebut?

- I. Peraturan dan undang-undang
 - II. Turun naik nilai mata wang
 - III. Timbangan dan sukatan
 - IV. Komunikasi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

14. Jadual menunjukkan bilangan pekerja tetap dan jumlah jualan tahunan sebuah syarikat perkilangan.

Manakah yang menepati tafsiran Industri Kecil dan Sederhana (IKS) oleh Perbadanan Kemajuan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)?

	Bilangan pekerja tetap (orang)	Nilai jualan tahunan (juta)
A	Tidak melebihi 150	Tidak melebihi 25
B	Tidak melebihi 100	Tidak melebihi 20
C	Tidak melebihi 50	Tidak melebihi 10
D	Tidak melebihi 25	Tidak melebihi 5

15. Rajah menunjukkan salah satu jalinan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan industri berat.



Apakah jalinan tersebut?

- A. Subkontrak
- B. Pemasaran payung
- C. Pemasaran bersepadu
- D. Pengaturan kontrak khas


16. Apakah perbezaan antara syarikat awam berhad dengan syarikat sendirian berhad?

- I. Liabiliti terhad
 - II. Penyenaraian di bursa saham
 - III. Penawaran syer kepada orang ramai
 - IV. Pemisahan antara pemilikan dengan pengurusan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

17. Apakah ciri syer keutamaan?

- A. Kadar dividen tidak tetap
- B. Pemegang syer menanggung risiko yang tinggi
- C. Pemegang syer berhak menentukan dasar syarikat
- D. Kadar dividen ditetapkan semasa syer diterbitkan

18. Rajah berikut menunjukkan tatacara membeli saham.



Apakah tatacara X?

- A. Membuat pesanan belian melalui remisier
- B. Mendapat maklumat saham
- C. Membuat keputusan
- D. Mendapat skrip

19. Maklumat berikut berkaitan dengan akaun simpanan tetap.

Tempoh (bulan)	Kadar faedah simpanan tetap (peratus setahun)
1	3.0
3	3.5
6	4.0
9	4.5
12	5.0
15 atau lebih	Boleh dirundingkan

Ani telah melabur sebanyak RM 30 000 dalam simpanan tetap pada 30 Mei 2010 dan akaunnya matang pada 30 November 2010. Berapakah pulangan yang diperolehi dalam tempoh tersebut?

- A. RM 600
- B. RM 750
- C. RM 1200
- D. RM 2100

20. Apakah kegunaan cek bertanda?

- A. Membayar sejumlah wang tertentu kepada penerima di bank yang sama
- B. Memudahkan bayaran berulang pada tarikh-tarikh tertentu
- C. Memberikan jaminan bayaran ke atas cek yang dikeluarkan
- D. Memudahkan pembayaran terus ke dalam akaun penerima

21. Berikut adalah peranan syarikat insurans.

Syarikat insurans membayar ganti rugi untuk memulihkan insured kepada keadaan asalnya.

Apakah prinsip dalam pernyataan tersebut?

- A. Indemniti
- B. Pampasan
- C. Penuh percaya mutlak
- D. Kepentingan boleh diinsurans

22. Gambar berikut berkaitan permohonan pemilik butik untuk membeli insurans.



Mengapakah syarikat insurans bertindak demikian?

- A. Tidak memenuhi prinsip insurans
- B. Risiko terbabit tidak boleh diinsuranskan
- C. Pemilik tidak sanggup membayar premium yang tinggi
- D. Syarikat insurans tidak mempunyai tabungan yang cukup

23. Apakah ciri-ciri risiko boleh insurans?
- I. Risiko berkenaan jarang berlaku
 - II. Kadar premium dapat ditetapkan
 - III. Kemungkinan berlakunya risiko boleh ditentukan secara statistik
 - IV. Jumlah orang yang ingin mendapatkan perlindungan adalah ramai
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
24. Mengapakah peniaga tidak menggunakan perkhidmatan pengkontenaan untuk mengangkut barang di kawasan jeti?
- A. Sifat barang yang cepat rosak
 - B. Kos pembinaan kontena yang tidak berpatutan
 - C. Pemasangan sistem pengangkutan bersepadu yang mahal
 - D. Kemudahan Transport International Routier (TIR) tidak meliputi kawasan jeti
25. Apakah peranan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (MISC)?
- A. Melesenkan malim di pelabuhan
 - B. Memastikan sistem pelayaran teratur
 - C. Mengeluarkan lesen kepada kapal pelayaran
 - D. Menyediakan perkhidmatan perkapalan domestik dan antarabangsa
26. Berikut menunjukkan perbincangan Encik Azmi dengan pengurus jualan di pejabatnya.



Mengapakah pengangkutan udara menjadi pilihan mereka?

- A. Untuk menjimatkan kos insurans
- B. Untuk menepati masa penghantaran
- C. Untuk memastikan kesegaran bunga
- D. Untuk mengurangkan risiko kecurian

27. Seorang peniaga jongkong timah hendak mencari sebuah bangunan untuk menyimpan barang-barangnya.

Apakah ciri bangunan yang akan diutamakan?

- A. Berdekatan dengan kawasan perumahan
- B. Kemudahan pengawet dingin yang baik
- C. Mempunyai kawalan keselamatan yang ketat
- D. Mempunyai kawasan lapang untuk meletak kereta

28. Syarikat RST Wangi melaksanakan pesanan mel di seluruh Malaysia dan Singapura.

Apakah jenis perkhidmatan yang boleh membantu syarikat itu menjimatkan masa melekatkan setem pada setiap surat atau bungkusan?

- A. Franki
- B. Teleks
- C. Data pos
- D. Pos daftar

29. Berikut adalah pihak terlibat dalam perkhidmatan penghantaran.

POS LAJU
NATIONAL COURIER


 **City Link**



Mengapakah peniaga menggunakan perkhidmatan mereka dalam menghantar surat, dokumen dan bungkusan?

- A. Kadar bayaran standard
- B. Insurans ditanggung oleh penerima
- C. Menyediakan perkhidmatan serahan ke pintu
- D. Penghantaran yang cepat di kawasan pedalaman

30. Mengapakah peruncit besar-besaran menyediakan gudang peruncit sendiri?
- A. Untuk menstabilkan harga barang
 - B. Menjamin bekalan stok berterusan
 - C. Memberikan saingan kepada gudang berbon
 - D. Mengurangkan modal terikat dalam bentuk stok
31. Lokasi gudang yang strategik boleh membantu peniaga menguasai pasaran dengan lebih baik. Mengapa?
- A. Mempercepatkan kerja sampingan
 - B. Memberi perkhidmatan selepas jualan
 - C. Menggunakan sistem pengawalan gudang yang sistematik
 - D. Memudahkan penghantaran barang ke tempat permintaan
32. Maklumat berikut adalah iklan untuk memujuk pengguna.



Apakah jenis gaya tarikan iklan tersebut?

- A. Pujukan rasional
 - B. Pujukan emosi
 - C. Pujukan moral
 - D. Pujukan imej
33. Antara yang berikut, yang manakah perlu dipertimbangkan sebelum pengeluar melaksanakan promosi?
- I. Campuran pemasaran
 - II. Milikan perniagaan
 - III. Saiz perniagaan
 - IV. Sasaran pasaran
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

34. Apakah peranan MARA dalam memajukan industri tempatan?

- A. Memelihara alam sekitar
- B. Menggubal undang-undang
- C. Menyediakan pengkhususan kerja
- D. Menyediakan kemudahan infrastruktur

35. Berikut ialah fungsi sesuatu undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia.

Mengawasi dan mengawal selia barang import dan eksport

Namakan undang-undang tersebut.

- A. Akta Eksais 1976
- B. Akta Kastam 1967
- C. Akta Jualan Langsung 1993
- D. Akta Perihal Dagangan 1972

36. Isu manakah yang diperjuangkan oleh pergerakan konsumerisme di Malaysia ?

- I. Memperbaik tingkat pendapatan pengguna
- II. Mewujudkan pasaran yang adil dalam ekonomi
- III. Menyedarkan pengguna tentang hak mereka
- IV. Menyediakan latihan kepada usahawan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

37. Apakah tujuan penubuhan Majlis Pengguna?

- A. Memberikan nasihat kepada kerajaan tentang hal perlindungan pengguna
- B. Membantu pengguna menuntut ganti rugi daripada peniaga
- C. Menguatkuasakan undang-undang pengguna
- D. Menerima dan menyasat aduan

Pilih jawapan bagi soalan 38, 39 dan soalan 40 berdasarkan jadual berikut

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Betul
B	Betul	Salah
C	Salah	Salah
D	Salah	Betul

38. I. Mengikut prinsip A1 Wadiah, semua harta termasuk wang yang disimpan di bank adalah satu amanah.
 II. Pihak bank bertanggungjawab atas kerosakan atau kehilangan harta tersebut walaupun bukan disebabkan oleh kecuaiian bank.
39. I. Pengguna mempunyai tanggungjawab untuk mengkritik.
 II. Tanggungjawab penjual kepada kerajaan adalah memastikan barang dan perkhidmatan yang dijual tidak melanggar amalan kebudayaan, adat resam, dan agama.
40. I. Tanggungjawab pengeluar untuk mendapat ganti rugi yang berpatutan.
 II. Tanggungjawab pembeli terhadap masyarakat ialah memelihara alam sekitar.

SOALAN TAMAT

